

Artikel Khas



Artikel Khas


Hasil Tinjauan PMKS 2023

SME Corp. Malaysia yang selama ini menjadi pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai PMKS telah menjalankan kaji selidik di bawah kepimpinan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Usaha ini melengkapkan peranan SME Corp. Malaysia dalam memantau prestasi perniagaan PMKS serta mengenal pasti cabaran yang muncul dalam persekitaran ekonomi semasa. Bertujuan untuk memahami keseluruhan ekosistem PMKS, pelaksanaan kaji selidik dilakukan secara menyeluruh, merangkumi petunjuk kualitatif dan kuantitatif.

Bagi Tinjauan PMKS 2023, kaji selidik secara dalam talian telah dijalankan dari Januari sehingga Februari 2023 melibatkan sejumlah 1,489 responden PMKS. Liputan kaji selidik ini adalah seimbang dari segi sektor ekonomi, taburan geografi dan saiz pertubuhan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SME Corp. Malaysia dalam memahami keperluan perniagaan dengan lebih baik, hasil kaji selidik memberikan pencerahan mengenai aspek utama seperti prestasi jualan; kos menjalankan perniagaan; modal insan; eksport; alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*), serta penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*).




Carta 1: Profil Responden bagi Tinjauan



PRESTASI JUALAN

Hasil kaji selidik menunjukkan trend iaitu PMKS telah mengalami penurunan jualan pada tahun 2021, tetapi telah kembali pulih secara positif pada tahun 2022 susulan pembukaan semula ekonomi selepas pandemik COVID-19. Meneliti data secara terperinci, tahun 2022 menyaksikan peningkatan ketara dalam jualan dengan 54.1% daripada responden telah mencatatkan kenaikan jualan berbanding hanya 33.9% pada tahun 2021 (rujuk Carta 2). Trend jualan yang menggalakkan ini adalah ketara terutamanya dalam kalangan PMKS yang terlibat dalam pembuatan tekstil dan pakaian, mesin dan peralatan; pembinaan; borong dan runcit kenderaan; pendidikan swasta dan penginapan. Perlu diambil perhatian juga bahawa bilangan PMKS yang mengalami penurunan jualan adalah lebih rendah, iaitu daripada 44.8% pada tahun 2021 kepada hanya 32.5% pada tahun 2022.




a: anggaran

Sementara itu, trajektori jualan yang optimis dijangka berlanjutan sehingga tahun 2023. Keyakinan yang lebih tinggi adalah jelas terutamanya dalam kalangan firma kecil dan sederhana serta PMKS dalam pembuatan tekstil dan pakaian, mesin dan peralatan, perkhidmatan ICT, penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan swasta. Malahan, satu penemuan yang penting untuk ditekankan adalah kenaikan secara beransur-ansur dalam bilangan PMKS yang beroperasi, daripada 11.3% yang menyatakan tidak beroperasi pada tahun 2021 turun kepada hanya 0.7% yang menyatakan tidak beroperasi pada tahun 2023, lantas menunjukkan ketahanan dan kelangsungan PMKS.

KOS MENJALANKAN PERNIAGAAN

Sama seperti hasil kaji selidik sebelum ini, kos menjalankan perniagaan yang tinggi dan aliran tunai yang lemah kekal sebagai cabaran utama PMKS selama ini. Hampir dua pertiga daripada PMKS bimbang mengenai kos yang tinggi dan sejumlah 58.1% menyatakan kebimbangan mereka mengenai aliran tunai. Antara faktor utama yang memberi kesan kepada aliran tunai perniagaan PMKS adalah kenaikan harga bahan mentah dan pembungkusan; pembayaran lewat oleh penghutang atau pembayar; kos pekerja serta bayaran sewa dan utiliti. Kebimbangan mengenai kos yang tinggi ini diperkuatkan lagi dengan fakta yang menunjukkan bahawa lebih daripada tiga perempat firma atau 78.6% melaporkan kenaikan kos menjalankan perniagaan pada tahun 2022 (rujuk Carta 3).

Antara faktor utama yang memberi kesan kepada aliran tunai perniagaan PMKS adalah kenaikan harga bahan mentah dan pembungkusan; pembayaran lewat oleh penghutang atau pembayar; kos pekerja serta bayaran sewa dan utiliti.



a: anggaran

Melihat ke hadapan, majoriti 94.0% responden menjangkakan kenaikan kos lebih tinggi pada tahun 2023 dengan kenaikan kos disebabkan oleh kos bahan mentah dan input lain (82.3%); kos pekerja seperti gaji dan levi (62.1%) dan pemasaran & pengiklanan (40.4%). Dengan setinggi 82.3% responden menekankan bahawa bahan mentah sebagai kebimbangan utama pada masa depan, analisis terperinci dalam sektor pembuatan menunjukkan bahawa dua subsektor iaitu makanan & minuman (*food & beverages*, F&B) dan tekstil & pakaian menonjol dengan ketara dan bergelut dengan tekanan kos ini. Trend yang sama juga berlaku dalam sektor perkhidmatan, dengan PMKS dalam perkhidmatan F&B dan perdagangan borong & runcit turut berdepan dengan cabaran berkaitan dengan kenaikan kos bahan mentah dan input lain.

MODAL INSAN

Mengambil kira pembangunan bakat yang diperlukan oleh PMKS dalam menjalankan operasi perniagaan mereka, kemahiran insaniah (*soft skills*) berkaitan pemasaran & promosi (69.5%), komunikasi (54.2%) serta pengurusan pelanggan (53.5%) adalah kemahiran yang diberi keutamaan yang tinggi (rujuk Carta 4). Walau bagaimanapun, menyedari landskap semasa persekitaran perniagaan yang lebih digital dengan pekerjaan tradisional berkembang dengan menitikberatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti, keselamatan dan kualiti kerja, hasil kaji selidik menunjukkan minat PMKS untuk melengkapkan pekerja mereka dengan kemahiran celik digital (54.7%), kemahiran teknikal & vokasional (51.3%) serta celik data (42.1%).

Berdasarkan Laporan Pekerjaan Masa Depan 2023 oleh Forum Ekonomi Dunia, celik teknologi merupakan teras kemahiran ketiga paling pesat berkembang. Justeru, terdapat keperluan yang tinggi untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja PMKS supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi memandangkan mereka mungkin perlu mengendalikan mesin dan sistem yang lebih berteknologi tinggi bagi mengelakkan diganti oleh proses automasi. Memupuk pemikiran yang menggalakkan penerapan teknologi dan budaya digital akan menjadi nilai yang sangat penting kepada PMKS dalam jangka masa panjang.



Carta 4: Kemahiran Utama Pekerja yang Diperlukan oleh PMKS



Berhubung aspek pemberhentian pekerja, terdapat penurunan yang ketara dalam bilangan pemberhentian pekerja PMKS pada tahun 2022, iaitu daripada 27.8% yang dilaporkan pada tahun 2021 kepada 13.8% pada tahun 2022. Pemberhentian pekerja ini disebabkan terutamanya langkah penjimatan kos dan aktiviti perniagaan yang lebih perlahan. Bagi tahun 2023, kadar pemberhentian pekerja dianggarkan lebih rendah dengan hanya 5.6% daripada responden PMKS berhasrat untuk memberhentikan pekerja mereka. Perkara ini menandakan prospek guna tenaga yang lebih positif dengan penurunan kemungkinan dalam pemberhentian pekerja secara meluas.

PRESTASI EKSPORT

Memberi tumpuan terhadap aspek luaran, kaji selidik ini menunjukkan bahawa sejumlah 15.0% daripada responden telah mengeksport produk & perkhidmatan mereka ke luar negara, terutamanya dalam kalangan firma bersaiz kecil dan sederhana. Kebanyakan pengeksport adalah tertumpu di Wilayah Tengah dan Utara. Justeru, terdapat keperluan untuk terus menggalakkan penembusan PMKS ke pasaran asing memandangkan aktiviti pengantarabangsaan menjanjikan potensi yang besar bagi meningkatkan prestasi PMKS. Dari segi destinasi eksport, aktiviti eksport PMKS adalah tertumpu di rantau ASEAN, terutamanya di Singapura, Indonesia dan Thailand. Pemilihan pasaran eksport ini didorong oleh permintaan dan kuasa membeli yang tinggi daripada pasaran tersebut.

Melihat kepada bukan pengeksport, lebih separuh daripada mereka (51.8%) menyatakan keyakinan dengan merancang untuk meneroka pasaran antarabangsa dalam masa terdekat. Analisis kaji selidik yang lebih terperinci menunjukkan bahawa antara keperluan yang boleh meningkatkan eksport adalah membina rangkaian (kenalan) di pasaran eksport yang disasarkan (59.2%); menjalankan penyelidikan pasaran (52.8%); memperkenalkan produk atau perkhidmatan baharu khas untuk eksport (51.8%) dan menjalankan perniagaan dalam talian termasuk platform e-dagang (49.8%) (rujuk Carta 5).

Carta 5: Keperluan oleh PMKS untuk Meningkatkan Eksport



AMALAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Mendalami agenda kelestarian, amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) bukanlah fokus utama PMKS pada masa ini tetapi amat menggalakkan apabila tahap kesedaran semakin meningkat dengan lebih banyak firma secara beransur-ansur mula menerapkannya. Berdasarkan hasil kaji selidik, sejumlah 39.9% PMKS kini sedar mengenai ESG berbanding hanya 26.0% PMKS yang sedar mengenai amalan hijau pada tahun 2021 menurut Kaji Selidik Keadaan Perniagaan dan Ekonomi ST2 2021 dan ST1 2022 oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia, ACCCIM). Tahap kesedaran ini adalah lebih tinggi dalam kalangan firma kecil & sederhana dan PMKS dalam perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal; ICT; dan pembuatan elektrik & elektronik. Sementara itu, daripada mereka yang sedar mengenai ESG, majoriti 81.0% telah menerapkan ESG dalam operasi perniagaan, terutamanya firma bersaiz kecil dan PMKS dalam perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal.

Mengambil kira faktor yang mendorong pelaksanaan ESG oleh PMKS, tiga penyebab utama yang dinyatakan adalah ESG membantu meningkatkan imej firma (67.2%); kekal berdaya saing dalam pasaran (60.5%); dan mengoptimumkan kecekapan kos dan mengurangkan kos operasi (58.6%) (rujuk Carta 6). Meskipun ESG memberi nilai tambah, cabaran dalam mengamalkan ESG masih wujud. Halangan yang ketara adalah kekurangan maklumat dan panduan berkaitan pelaksanaan ESG yang ditekankan oleh lebih dua pertiga responden. Tambahan lagi, kekurangan pakar ESG dan dana menyukarkan PMKS yang ingin menerapkan amalan ESG. Mengatasi cabaran ini memerlukan usaha sama dan sokongan daripada pemegang taruh utama bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk integrasi ESG dalam kalangan PMKS.

Carta 6: Faktor dan Cabaran dalam Melaksanakan ESG




Salah satu aspek kelestarian adalah untuk PMKS mempunyai langkah pengurusan risiko bagi memastikan perniagaan dapat terus beroperasi sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Insurans perniagaan melindungi firma daripada potensi kerugian dan membantu mengurangkan risiko kewangan akibat bencana alam, kecederaan pekerja, kerosakan premis dan lain-lain. Namun begitu, hasil kaji selidik menunjukkan hanya 30.0% responden PMKS mempunyai insurans perniagaan bagi melindungi firma mereka daripada bencana alam, lantas menandakan langkah pengurusan risiko yang lemah.

PENERAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Selari dengan kaji selidik sebelum ini, PMKS mempamerkan tahap pengkomputeran yang kukuh dengan penggunaan peranti peribadi yang tinggi seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba serta penggunaan internet yang tinggi iaitu melebihi 80.0%. Usaha Kerajaan termasuk SME Corp. Malaysia selama ini telah berjaya dalam menggalakkan PMKS untuk memodenkan perniagaan mereka, seperti yang dicerminkan dengan penggunaan komputer dan internet yang meluas ini. Meskipun tahap pengkomputeran adalah kukuh, PMKS masih terperangkap dalam jerat pengkomputeran, tidak menyedari bahawa mereka telah mengehendak peningkatan produktiviti dan pertumbuhan jualan dengan tidak terus melabur dalam pendigitalan. Hasil kaji selidik ini adalah selari dengan laporan *SME Digitalisation Whitepaper* yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Huawei Technologies pada bulan Jun 2018.

Walaupun pengkomputeran membolehkan PMKS mendapat manfaat daripada proses pentadbiran, potensi sebenar terletak pada pendigitalan dan automasi memandangkan dua aspek ini menawarkan faedah yang lebih besar dan mampan kepada perniagaan. Sebagai contoh, kegagalan memanfaatkan sepenuhnya internet untuk e-dagang boleh menyebabkan PMKS terlepas dari peluang pertumbuhan, produktiviti jualan yang lembap dan menghalang penciptaan kekayaan untuk perniagaan dan ekonomi secara amnya. Berdasarkan hasil kaji selidik, dapat diperhatikan bahawa tahap kehadiran dalam talian (*online presence*) semakin meningkat dengan majoriti 80.6% menjalankan perniagaan dalam talian melalui laman web, media sosial atau platform e-dagang (rujuk Carta 7). Statistik ini menunjukkan peningkatan daripada 75.8% yang dicatatkan pada tahun 2021 dan 35.3% yang jauh lebih rendah dicatatkan pada tahun 2019.

Carta 7: Aktiviti Pendigitalan dan Automasi oleh PMKS



Tambahan lagi, pelaburan dalam alatan dan perisian ICT akan memperkasa PMKS mengembangkan perniagaan mereka dan meningkatkan produktiviti. Untuk menjadi digital sepenuhnya, PMKS perlu mereka bentuk semula operasi mereka dengan memastikan strategi, proses dan infrastruktur perniagaan adalah selaras dan bersepadu untuk menyokong transformasi digital. Hasil kaji selidik menunjukkan keperluan penekanan yang lebih besar terhadap proses pendigitalan bahagian belakang (*back-end digitalisation*) memandangkan hanya 53.8% responden PMKS mempunyai akses kepada proses perniagaan bahagian belakang. Proses ini termasuklah

sistem perakaunan dan kewangan seperti *Universal Business Systems* (UBS) dan *System Applications and Products in Data Processing* (SAP); sistem pengurusan sumber manusia untuk gaji dan tuntutan; terminal jualan; dan sistem pengurusan operasi seperti Perancangan Sumber Perusahaan (*Enterprise Resource Planning*, ERP) dan Pengurusan Perhubungan Pelanggan (*Customer Relationship Management*, CRM).

PERBANDINGAN HASIL KAJI SELIDIK MENGIKUT NEGERI BAGI BIDANG TERPILIH


Melihat kepada aktiviti eksport PMKS di seluruh negara, hasil kaji selidik menunjukkan bahawa penembusan eksport untuk PMKS di Wilayah Tengah dan Utara (Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak) seperti yang ditunjukkan dalam warna ungu adalah secara relatifnya lebih tinggi berbanding negeri lain di Malaysia (rujuk Carta 8). Terdapat perbezaan yang ketara dengan PMKS di Wilayah Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) serta di Sabah memandangkan mereka menunjukkan penembusan eksport yang sangat rendah (di bawah 10%), sebahagiannya disebabkan oleh infrastruktur dan logistik yang terhad.

Mengenai tahap kesedaran ESG, PMKS di kebanyakan negeri secara amnya mempunyai tahap kesedaran yang sederhana dalam julat antara 30 - 40% seperti yang dipaparkan dalam warna kuning, sekaligus menekankan keperluan untuk sokongan selanjutnya bagi membimbing perniagaan dalam usaha kelestarian mereka. Walau bagaimanapun, kesedaran PMKS di Kelantan seperti yang ditunjukkan dalam warna ungu adalah di bawah purata Malaysia iaitu 39.9% dan paling rendah berbanding negeri lain di negara ini. Perkara ini menekankan keperluan bagi jangkauan ESG yang lebih tertumpu dan bersasar untuk PMKS di negeri tertentu.

Pengurusan risiko merupakan pendekatan strategik yang bertujuan untuk memastikan daya maju perniagaan dalam menghadapi kejadian yang tidak dijangka dan sebarang ketidakpastian. Namun, hanya 30.0% responden PMKS mempunyai insurans perniagaan untuk melindungi firma mereka daripada kemalangan dan bencana alam. Mengikut pecahan di peringkat negeri, penting untuk diperhatikan bahawa PMKS di Wilayah Pantai Timur, iaitu Kelantan dan Terengganu yang lebih terdedah kepada banjir mempunyai kadar pembelian insurans yang paling rendah di seluruh negara iaitu di bawah 20%, seperti yang digambarkan dalam warna kelabu.

Bagi penggunaan ICT, proses perniagaan bahagian belakang (*back-end*) lebih menonjol dalam kalangan PMKS di Wilayah Tengah dan Perak, seperti yang dicerminkan dalam warna biru. Negeri yang mempunyai kurang akses kepada ketersambungan (*connectivity*) cenderung mempunyai kadar penggunaan ICT yang lebih rendah, dengan Kelantan, Terengganu dan Sabah mengguna pakai ICT dalam julat 30 - 40%, lebih rendah daripada purata Malaysia iaitu 53.8%.

Carta 8: Perbandingan Bidang Terpilih Mengikut Negeri di Malaysia




MELANGKAH KE HADAPAN

Hasil kaji selidik menggambarkan pendekatan PMKS dalam pelbagai aspek ke arah mengukuhkan kedudukan pasaran mereka dalam jangka masa terdekat. Satu penemuan penting, PMKS memberi penekanan yang besar terhadap integrasi pendigitalan dalam strategi teras mereka. Tumpuan kepada pendigitalan ini muncul sebagai pendekatan terpenting bagi mengekalkan pertumbuhan dan kepentingan dalam landskap pasaran. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa 59.0% responden PMKS menyatakan hasrat mereka untuk mempergiat aktiviti promosi melalui media sosial (rujuk Carta 9). Di samping itu, sejumlah 40.5% sedang berusaha untuk mengautomasikan & mendigitalkan operasi perniagaan mereka. Statistik ini menekankan keutamaan PMKS, mempamerkan orientasi strategik mereka dalam memanfaatkan kemajuan digital untuk berkembang maju dalam persekitaran yang semakin kompetitif.

Sementara itu, bagi mengekalkan kelebihan daya saing dari semasa ke semasa, sejumlah 57.8% menunjukkan minat mereka untuk berinovasi dan mempelbagaikan tawaran mereka dengan mencipta produk atau perkhidmatan baharu. Pada masa yang sama, hampir separuh daripada PMKS (48.4%) bertekad untuk menambah baik kewangan mereka dengan mengurangkan kos operasi secara strategik. Penekanan kepada kedua-dua aspek inovasi dan kecekapan kos ini menonjolkan pendekatan seimbang yang akan dilakukan oleh PMKS, mengambil kira hubungan saling bergantung antara pengurusan sumber dan keupayaan untuk mengeluarkan produk atau perkhidmatan termaju ke pasaran.

Selain itu, hasil kaji selidik juga menjelaskan satu lagi bidang penting untuk strategi PMKS, iaitu pembangunan kemahiran. Sejumlah 43.1% menyatakan keperluan untuk melatih semula pekerja sedia ada mereka, lantas menandakan nilai penting pembelajaran berterusan dan penyesuaian dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berkembang. Di samping itu, kira-kira 32.9% PMKS mahu meneroka pasaran baharu di dalam negeri dan luar negara, sekaligus mempamerkan keinginan untuk kepelbagaian geografi dan pertumbuhan melangkaui sempadan semasa. Kesemua strategi ini menyerlahkan usaha bersepadu oleh PMKS untuk menyesuaikan diri, berinovasi dan berkembang, dalam memastikan pertumbuhan perniagaan pada jangka masa panjang.

Carta 9: Strategi oleh PMKS untuk Kekal Berdaya Saing




Artikel Khas

Profil PMKS dari Tahun 2015 sehingga 2022

Struktur PMKS telah menunjukkan pertumbuhan yang ketara dari tahun 2015 sehingga 2022. Melihat kepada data statistik terkini bagi tahun 2022, sebanyak 1,173,601 PMKS beroperasi di Malaysia. PMKS ini meliputi majoriti 97.4% daripada keseluruhan pertumbuhan perniagaan yang berjumlah 1,204,987 firma (rujuk Carta 1). Perkara ini menekankan peningkatan ketara hampir 270,000 PMKS berbanding dengan 907,065 PMKS yang dilaporkan pada tahun 2015. Dari tahun 2015 sehingga 2022, bilangan keseluruhan PMKS berkembang pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 3.7% setiap tahun.


Carta 1: Profil PMKS dari Tahun 2015 sehingga 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi saiz perniagaan, perusahaan mikro merupakan komponen terbesar PMKS (rujuk Carta 2). Dari tahun 2015 sehingga 2022, hampir 230,000 perusahaan mikro baharu telah ditubuhkan, mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 4.2% setiap tahun. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan inisiatif Kerajaan dalam memupuk minda keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan kekal komited dalam meningkatkan pemformalan perniagaan. Malahan, analisis terperinci terhadap landskap PMKS menyatakan bahawa firma bersaiz kecil mengalami pertumbuhan yang menggalakkan dari segi bilangan pertumbuhan dengan peningkatan tahunan sebanyak 2.7%. Namun begitu, firma bersaiz sederhana mencatatkan penguncupan sebanyak 1.6% dalam jangka masa yang sama. Penurunan bilangan firma bersaiz sederhana pada tahun 2022 sebahagiannya mungkin disebabkan oleh peralihan PMKS menjadi pemain besar, lantas menunjukkan hasil yang menggalakkan dalam pembangunan PMKS sepanjang tahun. Secara ringkasnya, perusahaan mikro meliputi 78.7% (923,667 firma) daripada jumlah pertumbuhan PMKS pada tahun 2022, firma bersaiz kecil mencakupi 19.7% (231,546 firma) dan firma bersaiz sederhana membentuk baki 1.6% (18,388 firma).


Carta 2: Profil PMKS mengikut Saiz Perniagaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi, sektor perkhidmatan yang merangkumi aktiviti borong & runcit terutamanya, secara konsisten telah menyumbang lebih 80% daripada kesemua PMKS dan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.0% setiap tahun sepanjang tempoh 2015 sehingga 2022. Menariknya, perubahan yang ketara telah berlaku pada tahun 2016 dengan sektor pembinaan muncul sebagai sektor kedua terbesar sehingga sekarang (rujuk Carta 3), mengatasi sektor pembuatan yang pernah berada di kedudukan kedua sebelum ini. Selain itu, hasil terperinci merentas sektor menunjukkan pertumbuhan dua angka dari segi penglibatan PMKS dalam sektor pembinaan dan perlombongan & pengkuarian sepanjang tempoh tersebut, masing-masing pada 13.1% dan 25.4% setiap tahun.


Carta 3: Profil PMKS mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada struktur pada tahun 2022, sektor perkhidmatan mengekalkan kedudukannya sebagai sektor terbesar merangkumi 84.7% (994,350 firma) dan sektor pembinaan pada 7.9% (92,924 firma). Sejumlah 5.6% daripada PMKS (65,657 firma) tertumpu dalam sektor pembuatan, diikuti oleh 1.4% (16,441 firma) dalam sektor pertanian, dengan baki 0.4% (4,229 firma) dalam sektor perlombongan & pengkuarian (rujuk Carta 4).

Carta 4: Profil PMKS pada Tahun 2022 mengikut Saiz dan Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi taburan PMKS di seluruh negara, semua negeri mengalami lonjakan dalam bilangan pertubuhan PMKS dari tahun 2015 sehingga 2022. Kadar pertumbuhan tahunan yang paling ketara dapat diperhatikan di Selangor, Sabah dan Sarawak masing-masing pada 6.2%, 5.4% dan 4.6%. Perbandingan komposisi negeri dalam tempoh yang sama memaparkan corak pertumbuhan yang lebih tinggi secara konsisten, dengan peningkatan ketara sumbangan PMKS di Selangor (+3.4 mata peratusan), Sabah (+0.7 mata peratusan) dan Sarawak (+0.4 mata peratusan). Secara terkumpul, lebih daripada 55.0% PMKS tertumpu di empat negeri perindustrian teratas iaitu Selangor (23.2%), WP Kuala Lumpur (14.3%), Johor (10.9%) dan Pulau Pinang (7.2%).

Jadual 1: Pertumbuhan Tahunan dan Komposisi PMKS mengikut Negeri

Negeri	CAGR 2016 - 2022	Sumbangan kepada Jumlah PMKS (%)		
		2015	2022	Peningkatan / Penurunan Mata Peratusan
Selangor	6.2	19.8	23.2	3.4
WP Kuala Lumpur	3.3	14.7	14.3	-0.4
Johor	3.8	10.8	10.9	0.1
Pulau Pinang	3.4	7.4	7.2	-0.2
Sarawak	4.6	6.7	7.1	0.4
Sabah	5.4	6.2	6.9	0.7
Perak	0.8	8.3	6.8	-1.5
Kedah	1.4	5.4	4.6	-0.8
Kelantan	1.1	5.1	4.3	-0.8
Pahang	3.4	4.1	4.1	0.0
Negeri Sembilan	3.3	3.6	3.5	-0.1
Terengganu	3.6	3.2	3.2	0.0
Melaka	1.5	3.5	3.0	-0.5
Perlis	1.5	0.8	0.6	-0.2
WP Labuan	1.1	0.3	0.2	-0.1
WP Putrajaya	1.3	0.1	0.1	0.0
Jumlah PMKS	3.7	100.0	100.0	

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pembundaran

CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia